

08 SEP 2003

Mahathir-Penggiliran/I

TERPULANG KEPADA RAKYAT SABAH UNTUK TERUSKAN PENGGILIRAN - DR M

KOTA KINABALU, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terserah kepada rakyat Sabah untuk menentukan sama ada mereka mahu meneruskan sistem penggiliran ketua menteri di negeri ini.

Mengikut sistem penggiliran itu, seorang pemimpin dari Umno akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri setiap kali selepas penggal perkhidmatan sesuatu pemimpin kaum -- Bumiputera bukan Islam atau Cina -- berakhir.

"Kita bergantung kepada apa yang penduduk Sabah mahukan. Kita perlu mendengar pendapat mereka dan jika mereka gembira dengan sistem yang ada, kita akan teruskan, jika mereka tidak berpuashati, maka tentunya kita mungkin perlu mengubah fikiran kita," kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar selepas merasmikan Kongres tahunan ke-18 Parti Bersatu Sabah (PBS) di Panampang dekat sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan pemberita sama ada sistem penggiliran itu masih relevan selepas kemasukan semula (PBS) ke dalam Barisan Nasional (BN) Januari tahun lepas.

Semasa ditanya sama ada beliau suka jika penggiliran itu diteruskan, Dr Mahathir berkata: "Ia bukan soal sama ada saya suka, ia soal sama ada rakyat Sabah suka."

Perdana Menteri berkata BN perlu mengambil kira kehendak rakyat Sabah mengenai perkara itu.

"Ini semua ialah mengenai demokrasi," kata pengerusi BN itu.

Dr Mahathir mencadangkan idea penggiliran jawatan ketua menteri Sabah di kalangan tiga kaum utama -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- semasa kempen pilihan raya negeri Sabah pada 1994.

Ia bagi memberi peluang kepada pemimpin setiap masyarakat kaum itu memimpin kerajaan negeri untuk tempoh penggal dua tahun.

Sistem itu kemudian dilaksanakan di Sabah apabila BN mengambil alih tampuk kerajaan negeri pada Mac 1994.

Sistem itu diubahsuai sedikit pada Mac 2001, memberikan pemimpin Umno peluang menjadi ketua menteri setiap kali penggal perkhidmatan ketua menteri sesuatu kumpulan kaum itu berakhir.

Sistem itu setakat ini menyaksikan pelantikan tujuh ketua menteri.

Mengenai pilihan raya negeri Sabah akan datang, Dr Mahathir berkata adalah penting bagi BN untuk menang dengan majoriti besar.

"Kita percaya kita boleh menang 100 peratus tapi kita tak tahulah dalam pilihan raya, mungkin kerana apa-apa (sebab) kita mungkin kalah beberapa kerusi, tetapi yang penting ialah kita dapat majoriti yang besar supaya kita dapat memerintah tanpa gangguan," katanya.

Penggal Dewan Undangan Negeri sekarang akan berakhir 12 April 2004.

-- BERNAMA

JS MK RON